

# Perlumbaan kereta Formula Satu luar biasa — PM

UM 19 MAR 2001  
Oleh ZULKIFLI JALIL

SEPANG 18 Mac — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan perlumbaan kereta Formula Satu Grand Prix Malaysia hari ini sebagai hebat dan luar biasa walaupun jumlah kehadiran penonton kurang sedikit berbanding tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri ini keadaan cuaca yang berbeza terutama hujan lebat pada awal perlumbaan telah memberi pengalangan baru kepada 22 pelumba.

Katanya beliau dimaklumkan bahawa jumlah kehadiran penonton adalah sekitar 75 000 berbanding 88 000 tahun lalu dan ini mungkin ada kaitan dengan jarak perlumbaan yang diadakan terlalu singkat selepas perlumbaan tahun lalu.

Secara keseluruhan penganjur perlumbaan hari ini berjaya dan hebat. Meskipun kehadiran penonton kurang sedikit berbanding tahun lalu kehadiran penonton tetap di saat terakhir menghasilkan perolehan yang baik.

Pelumba pula merasai cuaca sebenar Malaysia. Kita dapat lihat macam mana trek dibersihkan dengan cepat dan saya fikir ia satu pengalaman baru kepada pelumba sebab ada yang merungut kata cuaca negara ini terlalu panas, katanya.

kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang perlumbaan di Litar F1 Sepang di sini.

Dalam perlumbaan hari ini Michael Schumacher dari pasukan Ferrari mengekalkan perlumbaan yang disandangnya tahun lalu di sini manakala tempat kedua dimenangi rakan sepasukannya Rubens Barrichello dan pemandu pasukan McLaren Mercedes David Coulthard di tempat ketiga.

## Peminat

Dr Mahathir berkata selepas tiga perlumbaan F1 dianjurkan di sini ramai khususnya peminat sukan motor antarabangsa lebih mengenali Sepang berbanding negara ini sendiri.

Ia litar perlumbaan yang terbaik dan sangat bagus dari segi penganjurannya. Kita memperoleh pandangan yang positif tentang Litar F1 Sepang, katanya.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa beberapa hotel mengalami kemerosotan pelanggan khususnya pelancong yang datang untuk menyaksikan perlumbaan F1 itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak menganggap begitu.

Saya fikir mungkin kerana perlumbaan yang diadakan tahun lalu

terlalu dekat dengan hari ini sebab itu tidak ramai pelancong asing datang. Perlumbaan seterusnya tahun depan (Mac 2002) saya harap mereka dapat datang (lebih ramai), katanya.

Mengenai soalan sama ada kerajaan merancang untuk meningkatkan aktiviti sukan bermotor di negara ini, beliau berkata:

Ini bukan peranan kerajaan sahaja tetapi mereka yang berminat dengan sukan bermotor harus menyatakan cadangan. Kerajaan akan menyokong, memberi galakan dan juga memberi insentif asalkan ia memberi manfaat kepada negara, katanya.

Menurut Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga berminat untuk bekerjasama dengan penganjur F1 Sepang International Circuit (SIC) bagi meningkatkan aktiviti sukan bermotor negara.

Mengenai kemerosotan jualan kuitipan tiket pada masa ujian kelayakan semalam sehingga menyebabkan penganjur mengkaji tidak mahu mengadakan siaran langsung di televisyen, Dr Mahathir berpendapat mereka yang berminat dengan perlumbaan itu akan tetap pergi ke Litar Sepang menyaksikannya.